

Pemetaan akuifer dengan teknik geoelektrik di Sungai Kelambu, Banting, Selangor.

DAYANG SURAYA SIRAT, NAZIHAH MUZAFAR & UMAR HAMZAH

Program Geologi, Pusat Pengajian Sains Sekitaran & Sumber Alam, Fakulti Sains & Teknologi, UKM

Abstrak: Pengukuran keberintangan secara menegak dan secara 2D telah dilakukan di Sungai Kelambu, Banting untuk memetakan lapisan dan jenis air yang terdapat dalam akuifer pasir serta endapan yang berada di sekitarnya. Pengukuran keberintangan menegak dilakukan di sebanyak 29 stesen manakala pengukuran keberintangan 2D

dilakukan sebanyak 9 profil. Keberintangan sebenar yang diperolehi menerusi permodelan songsang telah dikorelasikan dengan data lubang gerudi yang berhampiran untuk memudahkan pentafsiran. Berdasarkan pentafsiran, lapisan lempung didapati berkeberintangan 8-180 ohm.m dan tebal purata 15m berada di atas lapisan akuifer pasir berkeberintangan 40-800 ohm.m dan tebal 35-87m. Lapisan pasir ini terendap di atas metasedimen yang berjulat keberintangan 600-800 ohm.m. Selain daripada fakta keberintangan dan ketebalan, taburan stesen kajian telah memungkinkan pembinaan peta kontur untuk melihat taburan ketebalan dan keberintangan lapisan akuifer. Peta kontur ketebalan menunjukkan bahagian akuifer yang paling tebal terletak di bahagian tengah dan tenggara kawasan kajian. Oleh kerana julat keberintangan akuifer ini berkisar diantara 40-800 ohm.m, ini bermakna akuifer tersebut berkadungan air segar hingga payau.